

Qalam

131, Dhu al-Hijjah 1380, Jun 1961, 60 sen

Selamat Melaksanakan Tujuan

Hari Raya Korban

Dalam suasana yang meriah dan penuh dengan kerohanian yang melimpah, umat Islam di tanah air dan di seluruh dunia merayakan hari raya Aidil Adha – Hari Raya Korban.

Hari yang mulia dan maha berkat itu telah dirayakan dengan rasa kesyukuran ke hadrat Allah ‘Azza wa Jalla atas limpah rahmat-Nya dan nikmat-nikmat kurniaannya yang tidak terhitung.

Allah Maha Suci Engkau!

Pada hari yang berbahagia itu, suara takbir dan tahmid yang bergema di angkasa, yang dilaungkan oleh beratus-ratus ribu orang-orang haji yang sedang berhimpun di tanah suci Makkah al-Mukarramah, telah disahut oleh suara takbir dan tahmid umat Islam dari keempat-empat penjuru dunia, dari tanah air kita Tanah Melayu – santak ke negara Maghribi di tepi Lautan Atlantik, dan dari Tanjung Harapan di Afrika Selatan – santak ke wilayah-wilayah Islam di negeri-negeri Turkistan dan China.

Sekaliannya bersatu padu, diikat oleh kalimah

tauhid yang teguh kukuh, sebagai satu umat yang telah

disifatkan oleh Allah Ta‘ālā menjadi sebaik-baik umat

yang terbentuk di tengah-tengah masyarakat manusia.

Tiap-tiap seorang kita, Muslim sejati, yang

insaf dan sedar, sudah barang tentu telah dapat mengecap

faedah-faedah dan pengajaran-pengajaran yang mulia yang tersemat di dalam ibadah

Hari Raya Korban, untuk menyegarkan jiwa dan menguatkan

semangat keislaman.

Dengan iman yang mendalam dan azam yang bulat –

setelah dapat memungut mutiara pengajaran yang terkandung

di dalam ibadat hari raya yang mulia itu – tiap-tiap seorang

Muslim yang insaf dan sedar serta mendapat taufik

Allah *Azza wa Jalla*: akan sentiasa sedia berkorban untuk

menegakkan agamanya dan kebaikan masyarakatnya.

Tetapi orang yang lemah dan menderita, tidak akan

dapat memberikan pengorbanan yang semestinya, malah ia

sendiri berharapkan bantuan. Kerana inilah Islam

membuka mata pemeluknya supaya mereka tampil berjuang

menentang segala penderitaan, lebih-lebih lagi menentang kezaliman

yang menjadi punca segala kepincangan hidup!

Islam mewajibkan zakat dan haji, sedang

kedua-duanya tidak dapat dilaksanakan melainkan oleh orang-orang

yang berharta benda. Oleh itu, nyatalah bahawa dua rukun

Islam ini menjadi penggalak supaya tiap-tiap seorang

Muslim ini berusaha mencari kekayaan yang halal, bukan

sahaja setakat mengambil tempat yang selayaknya, sejarar

dengan bangsa-bangsa asing yang kaya raya, tetapi dengan kekayaan

yang halal itu ia akan dapat mencari keredhaan Allah

dan beroleh pahala yang berganda-ganda dengan mengeluarkan zakat,

Akhirnya pada saat yang berbahagia ini, kita mengambil

menunaikan ibadat haji dan juga menghulurkan derma

peluang mengucapkan Selamat Hari Raya, dan selamat

dan khairat.

menjalankan tujuan dan pengajaran yang tersimpul di dalam

Semuanya ini tidak akan dapat dicapai dengan doa

ibadat haji dan hari raya korban, sambil berdoa

dan rayuan semata-mata, tetapi dengan ikhtiar-ikhtiar dan

ke hadrat Ilāhī Rabbī, mudah-mudahan saudara-saudara kita umat


amal perbuatan yang rapi, yang bersendikan tekun,

Islam yang telah berbahagia menunaikan rukun Islam yang kelima

rajin dan ilmu. Demikianlah hendaknya.

itu akan kembali ke tanah air dengan selamat dan sihat

wa al-‘āfiat serta beroleh haji mabru – Amīn.



Suatu pemandangan dalam persidangan kira-kira 100 badan Melayu dan Islam Singapura yang telah bersidang

baharu-baharu ini dan memutuskan sebulat suara: Menuntut kerajaan Singapura menarik balik “Rang

Undang-undang Pentadbiran Islam 1960” untuk disemak dan dikaji semasak-masaknya oleh alim ulama

Majlis Penasihat Islam dengan bantuan alim ulama yang bukan ahli majlis itu.

Perjumpaan yang bersejarah ini dianjurkan oleh PAS cabang Singapura. Gambar menunjukkan anggota-anggota pimpinan majlis sebelum persidangan itu dipengerusikan oleh Kiyai Muhammad Fadhlullah Suhaimi.

Keterangan gambar, dari kiri: U. Muhammad Tahir Mahmud (Setiausaha PAS Singapura), U. Yaacub

Muhammad – Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan (Pemerhati Istimewa), Ustaz Taha Suhaimi (Yang di-Pertua PAS Singapura), Ustaz Syed Ahmad Dahlan al-Husaini (Naib Yang di-Pertua PAS Singapura), Syed Junied

bin Muhammad Aljunied dan U. Dahlan bin Haji Yusuf (Kedua-duanya pegawai PAS Singapura).